

Wujudkan kaunter pandu lalu dos penggalak

Oleh ARIF AIMAN ASROL
aiman.asrol@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Kaunter bergerak atau pandu lalu pengambilan dos penggalak Covid-19 perlu diperbanyak bagi membantu masyarakat mengambil dos tersebut, sekali gus memberi perlindungan kepada lebih ramai rakyat daripada penyakit berkenaan.

Pengambilan dos penggalak sangat penting untuk mengurangkan risiko masyarakat terdedah dengan jangkitan Covid-19, iaitu sebagai pelengkap kepada kadar vaksinasi dua dos yang secara langsung mampu memastikan ekonomi bergerak dengan lancar apabila imuniti masyarakat dipertingkatkan.

Kaunter tersebut boleh dilakukan terlebih dahulu di kawasan-kawasan yang menjadi antara pemangkin utama perkembangan ekonomi negara seperti Lembah Klang dan Pulau Pinang agar dapat mengawal penularan jangkitan daripada mengganggu proses pemulihan tersebut.

Pakar Perubatan Kesihatan Masyarakat dan Ekonomi Kesihatan Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Dr. Sharifa Ezat Wan Puteh berkata, Kementerian Kesihatan (KKM) tidak boleh menunggu masyarakat hadir tetapi sebaliknya mengambil inisiatif untuk pergi kepada rakyat.

Menurut beliau, perbanyakkan tempat pengambilan vaksin tersebut boleh dilakukan dengan kerjasama pihak swasta bagi mengurangi kos yang perlu ditanggung.

“Saya rasa kaunter pandu lalu ni pernah dilakukan di Malaysia, jadi ia boleh dilakukan semula terutama di kawasan-kawasan yang kita rasa penularan Covid-19 tinggi seperti Kuala Lumpur, Putrajaya dan Selangor.

“Selain itu kita tingkatkan lagi tempat untuk mengambil vaksin, jangan berharap hanya masyarakat datang terutama

kumpulan warga emas, mereka

tidak boleh datang sendiri sebab

mungkin tiada siapa boleh

bawakan,” katanya ketika di-

hubungi *Utusan Malaysia*.

Semalam, akhbar ini me-

laporkan, Malaysia hanya mere-

kodkan sebanyak 16,280,153

penerima suntikan dos peng-

galak pertama Covid-19 ber-

banding jumlah dua dos utama

yang masing-masing mencatat-

kan lebih 27 juta orang.

Rekod turut menunjukkan

dos penggalak kedua pula men-

catatkan jumlah terkecil iaitu

636,861 bersamaan dua peratus

dan ini menandakan sebanyak

50 peratus rakyat Malaysia be-

lum mengambil dos penggalak

Covid-19.

Dr. Sharifa Ezat berkata,

sekiranya masyarakat enggan

mengambil dos penggalak ia

akan mendedahkan mereka

kepada risiko jatuh sakit jika

wujud varian Covid-19 baharu

yang lebih ganas dan bahaya.

“Eloklah kita ambil dos

penggalak supaya kita kurang

kemungkinan sakit, kalau sakit

pun tidak teruk. Itu akan me-

nyelamatkan bukan sahaja diri

sendiri tetapi kepada keluarga.

Ini juga mengurangkan kita

ambil cuti sakit jadi boleh terus

berniaga atau bekerja,” katanya.

Sementara itu, Pakar Peru-

batan Kesihatan Aawam Univer-

siti Putra Malaysia (UPM), Dr.

Siti Aisah Mokhtar berpandan-

ng faktor kurangnya pengam-

bilan dos penggalak adalah

kerana negara sedang beralih

ke fasa endemik.

“Masa kita perlu ambil dos

pertama dan kedua, antara faktor

yang mendorong masyarakat

mendapatkan suntikan tersebut

adalah Malaysia berada di

dalam pandemik tetapi apabila

masuk ke fasa endemik, dos

penggalak dilihat sebagai bukan

keperluan.

“Covid-19 ni sentiasa ber-

mutasi dan jika kita lihat vari-

an baharu ini terdapat kajian

saintifik mengatakan ada keba-

rangkalian potensi untuk me-

ngalahkan antibodi badan yang

dihasilkan oleh vaksin diambil

dahulu,” jelasnya.